

KESESUAIAN PRINSIP REALISME DENGAN CARA HIDUP MASYARAKAT MELAYU-ISLAM KONTEMPORARI

Suitability of Realism Principles to the way of life of the Contemporary Malay-Muslim Community

Asyraff Jamin¹ & Mary Fatimah Subet²

^{1,2}Fakulti Pendidikan, Bahasa dan Komunikasi,
Universiti Malaysia Sarawak, Jalan Datuk Mohammad Musa, 94300,
Kota Samarahan, Sarawak, Malaysia

¹asyraffjamin@gmail.com; ²sufatimah@unimas.my

Diterima: 03 Mac 2025; **Disemak semula:** 10 Mei 2025 **Diterima:** 25 Mei 2025; **Diterbitkan:** 10 Jun 2025

To cite this article (APA): Subet, M. F., & Jamin, A. (2025). Kesesuaian Prinsip Realisme dengan Cara Hidup Masyarakat Melayu-Islam Kontemporari. *Jurnal Peradaban Melayu*, 20(1), 42-55. <https://ejournal.upsi.edu.my/index.php/JPM/article/view/11648>

To link to this article: <https://doi.org/10.37134/peradaban.vol20.1.4.2025>

ABSTRAK

Pengaplikasian aliran Barat dalam kegiatan kesusasteraan di Malaysia telah menimbulkan banyak perdebatan sehingga mencetuskan polemik sastra yang tidak berkesudahan sehingga kini. Sebagai satu daripada aliran Barat, realisme turut terkesan dengan polemik ini apabila dikatakan tidak sesuai dan gagal menepati konteks masyarakat tempatan khususnya dalam aspek cara hidup masyarakat Melayu-Islam kerana statusnya sebagai produk yang terhasil daripada konteks kehidupan yang sangat berbeza terutamanya dari segi agama, budaya, dan nilai kehidupan. Justeru, kajian ini dilaksanakan dengan tujuan untuk memperincikan pengaplikasian prinsip realisme bagi mengemukakan bukti kesesuaiannya dengan cara hidup masyarakat Melayu-Islam kontemporari berdasarkan novel-novel mutakhir Sasterawan Negara Rahman Shaari. Kajian ini berbentuk kualitatif menggunakan kaedah analisis kandungan berlandaskan prinsip-prinsip realisme Lukacs (1963, 1978, 1989, 1990) terhadap tema sosial dalam novel-novel mutakhir Sasterawan Negara Rahman Shaari iaitu novel *Pernikahan di Lubuk Hantu* (2008), *Semoga Molek* (2012) dan *Cengkaman Hasrat* (2015). Kaedah kepustakaan turut digunakan untuk mengenal pasti hubungan karya-karya yang dikaji dengan realiti cara hidup masyarakat Melayu-Islam kontemporari bagi menjelaskan kesesuaian aliran realisme dengan cara hidup masyarakat Melayu-Islam. Dapatan kajian ini menunjukkan pengaplikasian aliran ini tidak menampilkan sebarang percanggahan dan didapati bersesuaian dengan cara hidup masyarakat Melayu-Islam malahan turut menunjukkan impaknya ke arah memajukan masyarakat. Kesimpulannya, dapatan kajian ini dapat menjadi sampel bagi membuktikan kesesuaian aliran realisme dengan konteks kehidupan masyarakat Melayu-Islam masa kini di samping dapat menjadi hujah tentang kebolehaplikasian aliran ini dalam kegiatan kesusasteraan di Malaysia.

Kata kunci: polemik; sastra; realisme; cara hidup; Melayu-Islam

ABSTRACT

*The application of the Western trends in Malaysian literary activities has sparked much debate, leading to endless literary polemic to this day. As one of the Western trends, realism also been affected by this polemic when it was said to be unsuitable and failed to meet the local context especially in terms of the way of life of the Malay-Muslim community, due to its status as a product arising from a vastly different life context, especially in terms of religion, culture and life values. Hence, this study was carried out with the aims of detailing the application of realism principles to provide evidence of its suitability to the way of life of the contemporary Malay-Muslim community based on the recent novel of National Laureate, Rahman Shaari. This qualitative study employs content analysis based on Lukacs' realism principles (1963, 1978, 1989, 1990) to explore the social themes in the recent novels of Rahman Shaari, namely *Pernikahan di Lubuk Hantu* (2008), *Semoga Molek* (2012) and *Cengkaman Hasrat* (2015). A library method were also used to identify the relationship between the works analyzed and the reality of contemporary Malay-*

Muslim way of life in order to demonstrate the suitability of the realism trend with these way of life. The findings of this study shows that the application of this trend does not present any contradictions and is found to be suitable with the way of life of the Malay-Muslim community, additionally highlighting its impact towards advancing the community. Ultimately, the findings of this study can serve as a sample to prove the suitability of realism trend in the context of Malay-Muslim community life, as well as to serve as an argument about the applicability of this trend in Malaysian literary activities.

Keywords: *polemic; literary; realism; way of life; Malay-Muslim*

PENGENALAN

Kemasukan realisme dalam sastra tempatan dianggap sebagai titik perubahan kepada bentuk sastra tempatan khususnya sastra Melayu yang sebelumnya dikatakan banyak menggunakan kiasan-kiasan melampau serta dilihat lebih bersifat tiruan atau berupa saduran daripada model-model asing (Jamin et. al, 2024). Di samping itu, Tahir (2019) dalam menjelaskan bentuk karya sastra Melayu sebelum kemasukan realisme, menurutnya banyak tertumpu kepada elemen seperti mitos, legenda, dewa, jin, gergasi, mambang dan peri. Lantaran itu, kemunculan karya-karya Abdullah Munsyi yang menerapkan prinsip-prinsip realisme dengan tumpuan penceritaannya berkisar kepada realiti kehidupan masyarakat secara rinci dan realistik dilihat sebagai anjakan yang signifikan yang seterusnya membawa kepada kemunculan bentuk sastra Melayu moden. Karyanya seperti *Hikayat Abdullah* misalnya, merakam secara jelas dan terperinci perihal kehidupannya dan masyarakat sekitar merangkumi elemen seperti budaya, adat resam, cara hidup dan juga pergaulan masyarakat. Begitu juga dengan karyanya, *Pelayaran Abdullah ke Kelantan* yang bukan sahaja merakam pengalamannya belayar, tetapi turut merakam cara hidup masyarakat yang disaksikannya sepanjang pelayaran tersebut. Sementara karyanya *Syair Singapura Terbakar* pula merakam peristiwa kebakaran besar-besaran di Singapura pada tahun 1830 secara rinci dan dianggap sebagai dokumen utama yang merakam peristiwa tersebut ekoran kegiatan persuratkhabaran yang belum bermula di rantau ini pada waktu itu.

Karya-karya ini menjadi bukti bahawa prinsip realisme dapat disesuaikan dan berupaya menjadi medium bagi mengetengahkan budaya, adat resam, dan cara hidup masyarakat termasuklah peristiwa yang berlaku secara autentiknya seperti yang dijelaskan Zakir (2018). Keupayaan realisme mengetengahkan elemen-elemen ini yang berlandaskan fakta atau realiti yang berlaku dianggap sebagai ciri kemodenan karya sastra tempatan kerana dihasilkan berdasarkan fakta atau realiti yang berlaku dan ciri ini jelas berbeza serta tidak terdapat dalam karya sastra Melayu sebelumnya (Hamdan et. al, 2023). Perubahan bentuk sastra Melayu yang dibawa Abdullah Munsyi ini lantas ditandai sebagai permulaan kepada bentuk sastra Melayu moden yang turut menjadi alasan penobatannya sebagai Bapa Kesusasteraan Melayu Moden (Jamin et. al, 2024; Hamdan et. al, 2023). Bertitik tolak dari itu, realisme kemudiannya terus berkembang dan memainkan peranan mengubah serta memodenkan bentuk karya sastra Melayu seperti yang dikenali hari ini.

PERMASALAHAN KAJIAN

Sungguhpun realisme telah memberi sumbangan besar dalam mengubah dan memodenkan bentuk sastra tempatan, namun sebagai sebuah aliran atau teori yang berakar dari Barat, aliran ini turut menghadapi cabarannya yang tersendiri dalam kegiatan kesusasteraan di negara ini. Dalam konteks negara Malaysia yang terdiri daripada masyarakat Melayu-Islam sebagai kumpulan populasi terbesar (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2024), penerapan teori realisme dalam kesusasteraan tempatan sering menerima sanggahan daripada masyarakat terutamanya penggiat-penggiat sastra tempatan sehingga mencetuskan banyak perselisihan yang akhirnya membawa kepada polemik sastra yang tidak berkesudahan sehingga kini. Al-Attas menurut Rani (2006) misalnya berpendapat, aliran-aliran Barat termasuklah realisme tidak mampu mencerminkan sifat dan ciri budaya masyarakat Melayu yang berteraskan kefahaman Islam. Malahan, penobatan Abdullah Munsyi sebagai Bapa Kesusasteraan Melayu Moden dianggapnya sebagai sebuah binaan Barat semata-mata supaya kehadiran mereka di alam Melayu dilihat signifikan (Rani, 2006). Kemunculan bentuk sastra Melayu Moden seperti sajak, cerpen dan novel pada sudut pandang Al-Attas, dilihat lebih mengetengahkan falsafah dan pemikiran Barat dan turut menenggelamkan bentuk sastra Melayu yang berteraskan Islam di samping menghakis semangat dan tradisi Islam dalam kesusasteraan Melayu (Rani, 2006).

Selain Al-Attas, polemik berkaitan aliran Barat dalam kesusasteraan tempatan turut mendapat perhatian beberapa lagi penggiat sastera di Malaysia. Dekad 70-an misalnya, menyaksikan perselisihan antara Shahnnon Ahmad dengan Yahya Ismail berkaitan pengaplikasian aliran Barat khususnya dalam bidang kritikan sastera (Sikana, 2021). Shahnnon Ahmad berpendirian kegiatan kritikan sastera tempatan hendaklah sentiasa berpusat pada jiwa Melayu kerana karya sastera Melayu terhasil daripada budaya dan ciri intelektual tempatan dan berpendapat aliran Barat tidak dapat menjadi ukur-tara yang sesuai sementara Yahya Ismail berpandangan kegiatan kritikan sastera di Malaysia masih memerlukan prinsip-prinsip aliran Barat. Dekad berikutnya menyaksikan perselisihan antara Muhammad Haji Salleh dengan Affandi Hassan yang membidas penggunaan teori intertekstual dan parodi serta teknik metahistoriografi yang dianggapnya tidak Islamik (Sikana, 2021). Perselisihan seumpama ini berterusan pada dekad berikutnya apabila Affandi Hassan mempersoalkan pula konsep Absurdisme yang diaplikasikan Mana Sikana yang menurutnya bersumberkan karya Barat sesat (Sikana, 2021). Polemik-polemik yang dikemukakan Sikana (2021) ini menjadi bukti bahawa wujudnya sanggahan-sanggahan terhadap kesesuaian pengaplikasian aliran Barat dalam kegiatan kesusasteraan di negara ini dengan ketidaksesuaiannya dengan konteks atau nilai kehidupan masyarakat Melayu-Islam dijadikan alasan.

Perkembangan kegiatan kesusasteraan Melayu yang berterusan seterusnya menyaksikan kemunculan pelbagai teori ciptaan tempatan seperti Pengkaedahan Melayu, Puitika Sastera Melayu, Persuratan Baru, Teksdealisme, Takmilah, Pendekatan Firasat dan Konseptual Kata Kunci yang boleh dianggap sebagai kemajuan dalam kegiatan kesusasteraan di negara ini. Sungguhpun demikian, kemajuan ini pada pandangan Tahir (2019) dilihatnya sebagai isyarat wujudnya situasi tidak beres dalam pengaplikasian aliran Barat yang sebelum ini menjadi asas dalam kegiatan kesusasteraan Melayu pada era moden. Pengaplikasian aliran Barat dalam kesusasteraan tempatan menurut Tahir (2019) bersifat janggal kerana teori-teori Barat termasuklah realisme merupakan produk yang terhasil daripada konteks kehidupan yang sangat berbeza terutamanya dari segi agama, budaya, dan nilai kehidupan lantas menyebabkan aliran ini tidak dapat berlaku adil kepada karya-karya sastera tempatan yang kebanyakannya dihasilkan oleh pengarang Melayu-Islam. Pendapat Tahir (2019) ini turut disetujui Azhan et. al (2021) yang berpendapat kemunculan teori-teori sastera tempatan didasari oleh kesedaran penggiat sastera tempatan yang menganggap kegiatan kesusasteraan moden terlalu cenderung terhadap pemikiran Barat yang dianggap tidak dapat berlaku adil terhadap karya-karya sastera tempatan.

Seyogia, kajian ini berpendapat sebuah analisis komprehensif menggunakan prinsip-prinsip realisme terhadap karya-karya sastera tempatan khususnya dalam konteks cara hidup masyarakat Melayu-Islam kontemporari perlu dilaksanakan bagi menilai kesesuaiannya dengan konteks kehidupan masyarakat Melayu-Islam masa kini. Dapatan kajian ini seterusnya dapat digunakan sebagai justifikasi berkaitan kebolehaplikasian aliran ini dalam kegiatan kesusasteraan di Malaysia.

SOROTAN LITERATUR

Realisme seperti yang dikemukakan Jamin et. al (2024) dan Hamdan et. al (2023) boleh dianggap sebagai pencetus era Kesusasteraan Melayu Moden. Selaras garis masa kemasukannya ke dalam sastera tempatan serta peranannya memodenkan bentuk sastera Melayu, realisme telah mendapat perhatian meluas oleh penggiat sastera di negara ini. Sorotan literatur yang dilakukan mendapati terdapat banyak sumber literatur berkaitan aliran realisme yang telah dikemukakan oleh penggiat-penggiat sastera di negara ini. Sumber-sumber ini dapat digunakan untuk mengenal pasti tahap penerimaan aliran realisme dalam kegiatan kesusasteraan tempatan serta dapat membantu dalam aspek pengenalanpastian elemen yang dapat menjadi bukti kesesuaian prinsip realisme dengan cara hidup masyarakat Melayu-Islam. Oleh yang demikian, sorotan terhadap sumber literatur ini dibahagikan kepada dua bahagian, iaitu bahagian pertama terdiri daripada penelitian terhadap sumber-sumber literatur bagi menilai penerimaan aliran realisme dalam kegiatan kesusasteraan tempatan sementara bahagian kedua terdiri daripada penelitian terhadap sumber-sumber literatur berkaitan pengaplikasian aliran realisme dalam kegiatan kesusasteraan tempatan.

Sorotan literatur bahagian pertama ini memfokuskan sumber-sumber literatur yang membincangkan berkenaan penerimaan aliran realisme dalam kegiatan kesusasteraan tempatan. Kupasan Sikana (2021)

berkenaan polemik sastera Melayu dengan Barat misalnya, menjelaskan bahawa perselisihan yang berlaku antara penggiat sastera yang masing-masing berpusat sama ada kepada aliran Barat mahupun aliran tempatan sebenarnya dipengaruhi oleh faktor kecenderungan terhadap satu-satu nilai atau fahaman yang tidak ditekuni secara rasional dan terbuka. Pendapat serupa turut dikemukakan Azhan et. al (2021) menerusi kupasan tentang sambutan kesasteraan terhadap Persuratan Baru (PB) dalam kesusasteraan Melayu yang mendapati wujudnya dua blok pandangan yang masing-masing menerima dan menolak PB namun tidak disandarkan pada pengkajian dan penilaian akademik sebaliknya lebih bersifat umum dan berasaskan pendapat serta pengalaman peribadi semata-mata. Justeru, kajian ini berpendapat, saranan Sikana (2021) yang menyarankan agar penggiat sastera tempatan bersikap lebih terbuka dengan tidak mengabaikan elemen-elemen positif yang bermanfaat dari setiap aliran wajar diberi perhatian serius agar dapat membangunkan dan mengembangkan lagi kesusasteraan Melayu. Menerusi kajian Tahir & Dan (2019) yang membincangkan berkenaan kewajaran status konvensi yang diterima aliran realisme dalam kesusasteraan tempatan pula, kajian ini mendapati bahawa aliran atau prinsip-prinsip realisme sememangnya telah memberi sumbangan besar kepada kegiatan kesusasteraan di negara ini. Selain diterima kerana peranannya memodenkan sastera Melayu, aliran ini menurut Tahir & Dan (2019) turut mendapat pengiktirafan apabila menjadi sandaran utama dalam *Laporan Panel Anugerah Sastera Negara*, iaitu penapis tertinggi dalam hal-hwal sastera di Malaysia.

Zakir (2018) menerusi kupasannya berkenaan transisi aliran realisme pula menjelaskan bahawa aliran realisme dewasa ini telah keluar daripada pengaruh propaganda gerakan kiri, yang pada suatu ketika menjadi punca aliran ini disisihkan dalam kegiatan kesusasteraan tempatan. Menurutnya, realisme kini sudah semakin jernih menerusi keupayaannya menggambarkan realiti dalam konteks realiti kehidupan budaya dengan keunikan serta nilai autentiknya (Zakir, 2018). Sehubungan itu, Zakir (2018) berpendapat penggiat sastera tempatan wajar memberi ruang kepada aliran ini untuk diaplikasikan secara bebas dalam kegiatan kesusasteraan di negara ini. Keseluruhannya, dapat disimpulkan bahawa aliran realisme diterima dengan baik dalam kegiatan kesusasteraan di negara ini meskipun terdapat beberapa sanggahan dan perselisihan pendapat berkenaan kesesuaiannya dengan cara hidup masyarakat Melayu-Islam seperti yang telah dikemukakan sebelum ini. Sanggahan-sanggahan terhadap aliran ini dikenal pasti masih dapat dibidas menerusi hujah-hujah akademik berdasarkan prinsip-prinsip yang menjadi asas aliran ini yang tidak bercanggah dengan cara hidup masyarakat tempatan seperti yang dapat dilihat dalam sorotan literatur bahagian kedua seperti berikut.

Sorotan literatur bahagian kedua ini memberi tumpuan terhadap sumber-sumber literatur yang terdiri daripada kajian-kajian lepas yang memanfaatkan prinsip realisme dalam analisis terhadap karya sastera Melayu tempatan. Kajian Jamin et. al (2024) yang meneliti novel *Cengkaman Hasrat* karya Sasterawan Negara (SN) Rahman Shaari misalnya, dikenal pasti memanfaatkan prinsip realisme bagi menilai hubungan dan impak pemikiran yang dikemukakan SN Rahman Shaari dalam novelnya terhadap kehidupan masyarakat secara lengkap merangkumi aspek atau tema seperti sosial, pendidikan, ekonomi, politik dan agama. Menerusi pemanfaatan prinsip-prinsip realisme, Jamin et. al (2024) merumuskan novel *Cengkaman Hasrat* sebagai sebuah karya realisme lengkap berdasarkan hubungan pemikiran yang dikenal pasti selari dengan realiti masyarakat Malaysia berdasarkan keselariannya dengan bukti-bukti realisme serta berdasarkan perincian tentang impak pemikiran yang dikemukakan terhadap pembangunan masyarakat dan negara yang menepati prinsip estetika realisme. Kajian Hamdan et. al (2023) pula dikenal pasti menjadikan prinsip realisme sebagai indikator bagi menilai perincian penggambaran realiti berkaitan peristiwa letusan gunung berapi Tambora pada tahun 1815 dalam *Syair Kerajaan Bima*. Dengan bersandarkan kepada permasalahan yang menyatakan bentuk karya tradisional seperti syair yang bercanggah dengan ciri kemodenan sastera, kajian ini pada akhirnya berjaya membidasnya dan membuktikan bahawa syair sebagai bentuk karya tradisional juga mampu menjadi bahan atau dokumen bagi merakam sesuatu peristiwa dengan tepat dan rinci malah menarik dari aspek gaya bahasanya menerusi penepatan terhadap ciri realisme yang dikenal pasti dalam *Syair Kerajaan Bima*.

Sementara kajian Chin (2021) pula, dikenal pasti mengaplikasikan prinsip realisme bagi mengenal pasti ciri realisme yang ditampilkan serta penterjemahan prinsip realisme terhadap situasi masyarakat di negara ini dalam antologi cerpen *Sewangi-wangi Tulang* karya Muhd. Mansur Abdullah. Dapatan kajian Chin (2021) menunjukkan ciri realisme yang dikenal pasti berupaya memberi impak positif terhadap kehidupan

masyarakat terutamanya dalam aspek nilai dan norma tradisi yang semakin dilupakan masyarakat dewasa ini. Seterusnya, kajian Abdullah (2015) pula dikenal pasti memanfaatkan prinsip realisme bagi mengenal pasti kesan pemikiran yang dikemukakan Usman Awang dalam puisi-puisinya dalam tiga konteks yang saling berkait, iaitu konteks lokal, global dan global. Berdasarkan analisis yang dilakukan, Abdullah (2015) mendapati puisi-puisi Usman mengemukakan pemikiran yang menawarkan impak menyeluruh merangkumi konteks lokal, global dan global menerusi perhatian yang dipusatkan bukan sahaja terhadap golongan miskin di negara ini, malah turut merangkumi golongan miskin di rantau Asia serta masyarakat di Afrika yang menderita akibat penjajahan yang dapat disaksikan menerusi puisinya, *Khabar dari Asia*. Sementara impak pemikiran Usman dalam konteks global pula dikenal pasti menerusi gagasan dalam puisi-puisinya yang lantang mengkritik keganasan serta konsisten terhadap gagasan perdamaian.

Kajian-kajian yang disoroti ini secara keseluruhannya dapat memberi gambaran yang jelas berkaitan pengaplikasian prinsip-prinsip realisme dan juga dapat menjelaskan impak pengaplikasiannya bukan sahaja terhadap penghasilan sesebuah karya sastra tetapi juga terhadap kehidupan masyarakat yang menjadi latar karya sastra yang dihasilkan. Dari segi impaknya terhadap penghasilan karya sastra, prinsip-prinsip realisme yang dikesan dalam *Syair Kerajaan Bima* oleh Hamdan et. al (2023) misalnya, telah berjaya mengangkat peranan syair sebagai sebuah karya tradisional setanding karya moden berdasarkan prinsip-prinsip realisme yang ditampilkan dalam merakam peristiwa letusan gunung berapi Tambora. Dapatan kajian ini juga menjadi petunjuk bahawa aliran realisme dapat disesuaikan dengan konteks sastra tempatan khususnya sastra tradisional berdasarkan bukti kebolehaplikasiannya bagi meneliti karya berbentuk tradisional seperti *Syair Kerajaan Bima*. Sementara dari segi impaknya terhadap kehidupan masyarakat pula, dapatan yang dikemukakan Jamin et. al (2024), Chin (2021) dan Abdullah (2015) menjadi bukti jelas bahawa prinsip-prinsip realisme berupaya memberi manfaat yang menyeluruh terhadap kehidupan masyarakat menerusi cakupannya yang menyeluruh terhadap tema-tema seperti sosial, pendidikan, ekonomi, politik dan agama baik terhadap masyarakat Malaysia mahupun global. Manfaat menyeluruh pengaplikasian prinsip-prinsip realisme ini menjadi bukti bahawa aliran ini tidak menampilkan kejanggalan dengan cara hidup masyarakat Melayu-Islam di negara ini sebaliknya dikenal pasti mendukung aspek penerapan nilai dan norma tradisi di samping dapat memacu pembangunan masyarakat dan negara. Dapatan kajian-kajian yang disoroti ini juga menunjukkan bahawa wujudnya kelompangan dalam kajian sedia ada selama ini khususnya berkaitan pengaplikasian aliran realisme dalam karya-karya tradisional dan juga karya-karya sastra tempatan yang lain. Hasil sorotan ini menunjukkan bahawa terdapat jurang kajian dan kelompangan yang berpotensi untuk diisi menerusi pelaksanaan kajian realisme yang lebih komprehensif terhadap karya-karya sastra di negara ini. Manfaat-manfaat pengaplikasian realisme yang dikenal pasti daripada kajian-kajian sedia ada ini dapat digunakan sebagai panduan dan sebagai data rintis dalam usaha mengenal pasti lebih banyak manfaat pengaplikasian aliran ini dalam kegiatan kesusasteraan tempatan.

Tuntasnya, hasil sorotan ini menjadi justifikasi yang kuat yang menyokong pelaksanaan kajian ini agar lebih banyak bukti kebolehaplikasian aliran realisme dapat dikenal pasti seterusnya dapat dimanfaatkan bagi memperkaya korpus kajian kesusasteraan negara ini menerusi dapatan-dapatan yang lebih segar, komprehensif dan pelbagai.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini berbentuk kualitatif berlandaskan prinsip-prinsip realisme yang dikemukakan Lukacs menerusi karya-karyanya, iaitu *The Theory of the Novel* (1963), *Marxism and Human Liberation* (1978), *Studies in European Realism* (1989), dan *History and Class Consciousness* (1990). Lukacs menerusi karya-karya ini dikenal pasti sentiasa melakukan pemurnian terhadap prinsip-prinsip dan praktik realisme dalam usahanya memastikan aliran ini sentiasa relevan dengan perkembangan kontemporari. Seiring itu juga, Lukacs dikenal pasti turut berusaha memperluas skop atau cakupan aliran ini agar dapat menyantuni persoalan-persoalan atau tema kehidupan masyarakat secara menyeluruh merangkumi tema-tema kemasyarakatan seperti sosial, pendidikan, ekonomi, politik dan agama. Berdasarkan pemurnian dan juga peluasan cakupan yang dikemukakan Lukacs (1963, 1978, 1989, 1990) dari semasa ke semasa ini, kajian ini berpendapat bahawa aliran ini turut dapat disesuaikan dengan konteks kehidupan masyarakat Melayu-Islam yang menjadi latar

dalam penghasilan karya-karya sastera tempatan. Ringkasnya, prinsip-prinsip yang dijadikan asas analisis kajian ini dapat dilihat menerusi Jadual 1 seperti berikut:

Jadual 1. Prinsip realisme Lukacs (1963, 1978, 1989, 1990)

Karya Lukacs	Prinsip / Kritieria Realisme
<i>The Theory of the Novel</i> (1963)	Menggambarkan kebenaran realiti kehidupan masyarakat.
	Memfokuskan kesatuan masyarakat.
	Melihat ke hadapan, masa lalu sebagai pengajaran.
	Mengenal pasti permasalahan melalui interaksi sosial dengan persekitaran.
	'Re-experience', untuk merasai realiti.
<i>Marxism and Human Liberation</i> (1978)	Dinamika masa depan perkembangan sosial, moral dan psikologi.
	Gabung jalin sastera dengan dimensi sosial kehidupan masyarakat.
	Menghubungkan diri (individu) dengan gerak sosial menuju masyarakat yang demokratik dan humanis.
<i>Studies in European Realism</i> (1989)	Memperjuangkan hak dan kebenaran.
	Komited terhadap kemerdekaan manusia.
	Memperjuangkan nasib kelas-kelas masyarakat yang tertindas.
	Mengenyahkan segala bentuk kepalsuan.
	Menyemai kesedaran untuk kehidupan humanis.
	Mengenyahkan dominasi kapitalis.
<i>History and Class Consciousness</i> (1990)	Hubungan dialektik antara pengkarya dengan masyarakat.
	Memahami dan mengatasi permasalahan masyarakat.
	Merefleksikan realiti kehidupan masyarakat.
	Interaksi sosial bagi mempengaruhi dan menyedarkan.
	Kemampuan seni menghadirkan makna-makna baharu.
	Membebaskan manusia menjadi alamiah kembali.
	Pemenuhan diri sebagai manusia utuh.
	Daya transformasi bagi mendidik dan menggerakkan masyarakat.
	Memfokuskan penindasan Politik dan ketidakadilan ekonomi.
	Pembebasan daripada sebarang penindasan.
	Pewujudan Kehidupan humanis.


Prinsip-prinsip ini dijadikan asas pembinaan kerangka analisis yang digunakan dalam kajian ini, iaitu dijadikan sebagai indikator atau kriteria pengukuran bagi menilai data-data pemikiran yang dianalisis daripada sesebuah karya sastera. Data kajian yang digunakan dalam kajian ini terdiri daripada tiga buah novel mutakhir SN Rahman Shaari, iaitu *Pernikahan di Lubuk Hantu* (2008), *Semoga Molek* (2012) dan *Cengkaman Hasrat* (2015). Pemilihan karya-karya ini dilakukan berdasarkan pertimbangan status SN Rahman Shaari sebagai SN mutakhir yang dilihat signifikan dalam kalangan masyarakat kerana penganugerahan gelaran SN yang diterimanya dianggap masih lagi segar pada pengetahuan masyarakat. Dalam pada itu, pemilihan ini juga mengambil kira prestij Anugerah Sasterawan Negara sebagai pengiktirafan tertinggi negara dalam kegiatan kesusasteraan seperti yang dikemukakan Jamin et. al (2024). Dari segi mutu karya pula, seperti yang dijelaskan Tahir & Dan (2019), karya-karya SN telah pun dinilai dan diiktiraf oleh panel Anugerah Sastera Negara yang melayakkan seseorang pengarang dianugerahkan anugerah SN. Dalam pada itu, karya-karya yang digunakan sebagai data kajian ini juga terdiri tiga novel mutakhir tulisan SN Rahman Shaari. Pemilihan novel-novel mutakhir ini dibuat berdasarkan pertimbangan tentang kerelevanan dan keselarian kandungannya dengan peredaran masa seperti yang ditekankan Lukacs (1990), iaitu karya sastera sebagai cerminan atau gambaran timbal balik realiti sosial termasuklah dari segi peredaran masanya dan juga berdasarkan pendapat Brown (2021) yang menekankan agar pengekspresian realiti dalam karya sastera hendaklah sedekat mungkin dengan realiti yang berlaku dalam kehidupan seharian masyarakat. Justeru, pemilihan karya-karya SN Rahman Shaari sebagai data kajian amatlah relevan

berdasarkan aspek mutunya sebagai antara karya sastra terbaik di negara ini dan juga berdasarkan kerelevanan kandungannya dengan realiti semasa kehidupan masyarakat.

Fokus analisis terhadap ketiga-tiga karya ini pula memberi tumpuan terhadap data pemikiran yang menyentuh tema sosial masyarakat. Pemilihan tema sosial dilakukan berlandaskan matlamat kajian ini dilakukan, iaitu untuk menilai kesesuaian aliran realisme dengan cara hidup masyarakat Melayu-Islam di samping untuk menyediakan hujah tentang kebolehaplikasian aliran ini dalam kegiatan kesusasteraan di Malaysia. Selaras matlamat ini, tiga objektif ditentukan bagi memastikan analisis kajian ini mampu mengemukakan hasil yang dikehendaki. Objektif-objektif yang ditentukan ini adalah seperti berikut:

- i. Menganalisis hubungan pemikiran dalam karya SN Rahman Shaari dengan realiti kehidupan masyarakat berdasarkan prinsip realisme Lukacs.
- ii. Memperincikan impak pemikiran dalam karya SN Rahman Shaari terhadap kehidupan masyarakat berdasarkan prinsip realisme Lukacs.
- iii. Mengemukakan bukti kesesuaian prinsip realisme dengan cara hidup masyarakat Melayu-Islam berdasarkan analisis terhadap karya SN Rahman Shaari.

Lantaran itu, setelah mengambil kira kesemua aspek metodologi seperti yang telah dinyatakan, kajian ini telah menyediakan sebuah kerangka analisis bagi menjelaskan langkah-langkah atau prosedur analisis ke arah pencapaian objektif dan matlamat tersebut. Kerangka analisis yang digunakan ini dapat dilihat menerusi Rajah 1 berikut:



Rajah 1. Kerangka analisis kajian
Sumber: Subet & Jamin (2025)

Perincian tentang langkah-langkah kajian seperti yang dikemukakan dalam kerangka analisis tersebut adalah seperti berikut:

Analisis Karya Sastra

Analisis karya sastra dilakukan menggunakan kaedah analisis kandungan menerusi teknik bacaan intensif secara rapi terhadap karya sastra yang diteliti bagi mengumpulkan data pemikiran penulis. Data pemikiran penulis yang menjadi tumpuan dalam kajian ini terdiri daripada pemikiran tentang tema sosial yang dikemukakan SN Rahman Shaari dalam karya-karyanya. Data pemikiran yang dikenal pasti daripada analisis ini seterusnya direkodkan sebagai data mentah untuk dianalisis pada peringkat berikutnya.

Analisis Pemikiran Penulis

Analisis pemikiran penulis meneliti data-data mentah yang telah direkodkan daripada proses analisis karya sastera sebelum ini. Data-data ini seterusnya dinilai dari segi cakupan dan impaknya terhadap kehidupan sosial masyarakat yang menjadi fokus dalam kajian ini. Data-data yang dikenal pasti tidak menyentuh tema sosial serta tidak menunjukkan impak terhadap kehidupan sosial masyarakat akan digugurkan dan tidak akan dianalisis pada peringkat berikutnya.

Analisis Kritikan Realisme Lukacs

Analisis kritikan realisme Lukacs dilakukan untuk menilai data-data pemikiran yang telah melepasi dua peringkat analisis sebelum ini. Berlandaskan objektif yang telah ditentukan, penilaian terhadap data-data ini dijalankan dalam dua fasa, iaitu analisis perbandingan realisme dan disusuli analisis estetika realisme.

Analisis perbandingan realisme dijalankan bagi menilai dan mengenal pasti hubungan data pemikiran yang dikemukakan SN Rahman Shaari dengan realiti kehidupan sosial masyarakat di negara ini. Data-data pemikiran yang diperoleh akan dibandingkan dan dipastikan selari serta bertepatan dengan bukti-bukti realisme yang diperoleh menerusi kaedah kepustakaan. Bukti-bukti realisme ini terdiri daripada rekod sedia ada seperti dasar-dasar kerajaan, undang-undang, akta, ucapan pemimpin, jurnal-jurnal ilmiah, artikel, berita, buku dan dokumen-dokumen lain berkaitan. Data-data yang dikenal pasti tidak selari dengan bukti-bukti realisme akan digugurkan dan tidak akan dianalisis pada fasa berikutnya kerana hubungan data pemikiran dengan realiti kehidupan sosial masyarakat tidak dapat dibuktikan.

Analisis estetika realisme pula dijalankan bagi menilai tahap pencapaian estetika realisme bagi setiap data pemikiran yang diperoleh. Prinsip-prinsip realisme yang dikemukakan Lukacs (1963, 1978, 1989, 1990) dijadikan kriteria penilaian bagi mengenal pasti tahap pencapaian estetika realisme bagi satu-satu data pemikiran. Penilaian ini dilakukan dengan cara memadankan data-data pemikiran dengan prinsip-prinsip realisme Lukacs (1963, 1978, 1989, 1990). Padanan data pemikiran dengan prinsip-prinsip ini seterusnya membolehkan perincian tentang impak pemikiran terhadap kehidupan masyarakat dibuat. Data-data pemikiran yang dikenal pasti menepati dan mencapai tahap estetika realisme, iaitu setelah dibuktikan impaknya terhadap kehidupan sosial masyarakat akan diterima sebagai dapatan pemikiran realisme.

Dapatan Pemikiran Penulis

Dapatan pemikiran realisme merupakan data akhir yang akan dikemukakan sebagai dapatan kajian ini. Data akhir ini dikemukakan secara deskriptif bagi menjelaskan hubungan pemikiran SN Rahman Shaari dengan realiti kehidupan sosial masyarakat berdasarkan bukti-bukti realisme dan juga untuk memperincikan impak pemikiran SN Rahman Shaari terhadap kehidupan sosial masyarakat. Dapatan atau data akhir yang diperoleh ini juga dapat dikemukakan sebagai bukti kesesuaian prinsip-prinsip realisme dengan cara hidup masyarakat Melayu-Islam. Keseluruhannya, langkah-langkah kajian yang dirangka menerusi kerangka analisis ini amatlah bertepatan dengan konteks kajian ini dilaksanakan di samping dapat membantu pencapaian objektif dan matlamat yang menjadi sasaran kajian ini.

ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Realiti kehidupan secara asasnya berkait rapat dengan trend atau gaya sosial sesebuah masyarakat. Sosial secara literalnya menurut *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2010) dijelaskan sebagai segala yang berkaitan dengan masyarakat atau perihal masyarakat. Justeru, kajian ini berpendapat, penelitian terhadap tema sosial amatlah relevan bagi mengenal pasti cara hidup masyarakat yang dipaparkan dalam sesebuah karya sastera. Dalam konteks masyarakat Melayu di negara ini, Islam merupakan sumber identiti yang menentukan cara hidup dan hala tuju kehidupan. Sumber identiti yang terdiri daripada nilai, norma dan budaya ini merupakan elemen yang disepakati seterusnya menjadi amalan atau cara hidup masyarakat Melayu-Islam di negara ini. Atas faktor inilah maka munculnya sanggahan-sanggahan terhadap aliran realisme kerana aliran ini

dianggap sebagai sebuah produk yang terhasil daripada konteks kehidupan yang sangat berbeza seperti yang dikemukakan Tahir (2019) yang seterusnya membawa kepada polemik dan perselisihan dalam kegiatan kesusasteraan tempatan. Justeru, kajian ini berusaha memperhalusi aspek pengaplikasian aliran ini bagi mengenal pasti bukti berkaitan kesesuaian prinsip-prinsip realisme dengan cara hidup masyarakat Melayu-Islam di negara ini berdasarkan analisis terhadap tema sosial dalam karya-karya SN Rahman Shaari.

Analisis Realisme Sosial Novel *Pernikahan di Lubuk Hantu*

Hasil analisis terhadap novel *Pernikahan di Lubuk Hantu* (2008) mendapati SN Rahman Shaari telah menyentuh berkenaan realiti masyarakat yang gemar menjadikan unsur erotik atau lucu sebagai jenaka dalam komunikasi sosial sesama masyarakat. Pendedahan realiti negatif ini menunjukkan novel ini telah mengaplikasikan prinsip refleksi realiti seperti yang dikemukakan Lukacs (1990) untuk menyedarkan masyarakat tentang realiti buruk yang memberi implikasi negatif terhadap masyarakat khususnya dalam aspek komunikasi sosial yang secara tidak langsung boleh menjejaskan imej masyarakat itu sendiri. Pemikiran SN Rahman Shaari ini dapat dilihat menerusi petikan berikut:

Ungkapan Kamariah yang memainkan susunan kata ‘dalam seluar’ dan ‘seluar dalam’ bersifat sensasional, fikir Rini. Isinya biasa saja, tapi apabila dipertentangkan begitu, hadir nilai jenaka erotiknya. Jika jenaka erotik dijawab, akan muncul lagi sambungannya, mungkin tidak habis-habis.

(*Pernikahan di Lubuk Hantu*, 2008, p. 39)

Pemikiran yang disampaikan SN Rahman Shaari menerusi petikan tersebut dari sudut pandang realisme boleh diterima sebagai sebuah refleksi tentang realiti atau permasalahan yang berlaku dalam kehidupan masyarakat seperti yang dikemukakan Lukacs (1990). Selaras prinsip refleksi terhadap realiti kehidupan masyarakat seperti yang disyorkan Lukacs (1990), pendedahan tentang realiti negatif yang berlaku ini tidak dilakukan secara begitu sahaja sebaliknya turut menyertakan bersama kesannya terhadap kehidupan masyarakat. Realitinya, sikap negatif yang gemar berjenaka dengan unsur lucu atau erotik ini dari sudut hukumnya berdasarkan ajaran Islam adalah haram kerana perkataan-perkataan yang tidak senonoh secara asasnya adalah perkataan yang tercela (Rafie, 2021). Melihat permasalahan ini dari sudut kesantunan masyarakat Melayu pula, sikap atau perbuatan ini jelas bercanggah dengan prinsip kehalusan budi dan cara komunikasi masyarakat Melayu yang sentiasa berlapik dan berhati-hati apabila berkomunikasi seperti yang dikemukakan Ariffin (2019b). Seyogianya, berdasarkan pendapat Rafie (2019) dan Ariffin (2019b) ini, masyarakat hendaklah lebih berhemah dalam berkomunikasi lebih-lebih lagi dalam aspek pemilihan kata yang digunakan. Aspek pemilihan atau penggunaan kata ini sememangnya menjadi perhatian SN Rahman Shaari kerana menurutnya susunan kata-kata boleh mendatangkan maksud yang berlainan dan juga memberi makna yang berlapis (*double meaning*). Justeru, pemikiran yang dikemukakan ini jelas mempunyai hubungan dengan realiti kehidupan masyarakat yang dapat dibuktikan melalui keselariannya dengan bukti-bukti realisme seperti yang dikemukakan.

Dari sudut impaknya terhadap kehidupan masyarakat pula, pemikiran yang dikemukakan ini dapat diterima sebagai kritikan terhadap realiti negatif yang berlaku dalam kalangan masyarakat. Kritikan ini terserlah menerusi gambaran tentang kesan sikap gemar berjenaka lucu yang dikemukakannya menerusi ayat, “*Jika jenaka erotik dijawab, akan muncul lagi sambungannya, mungkin tidak habis-habis.*” SN Rahman Shaari menerusi ayat tersebut menjelaskan bahawa unsur jenaka yang sedemikian boleh menimbulkan rasa keasyikan dan boleh menyebabkan masyarakat seolah-olah ketagih dan sukar untuk menghentikannya. Lebih merisaukan, permasalahan ini boleh menjadi kebiasaan dalam masyarakat sekiranya tidak dibendung dan dikhuatiri boleh membawa kesan yang lebih buruk. Rafie (2019) misalnya berpendapat, jenaka lucu tidak seharusnya menjadi kebiasaan dalam masyarakat kerana boleh meninggalkan kesan yang negatif kepada pendengar terutamanya kanak-kanak. Pendapat serupa turut dikemukakan Rostam (2023) yang melihat jenaka lucu sebagai ‘barah’ yang sukar dibendung dalam kehidupan masyarakat, malah telah pun menular dalam kalangan generasi muda masa kini secara tidak terkawal. Pendapat Rafie (2019) dan Rostam (2023) ini menjadi bukti realisme jelas bahawa sikap gemar berjenaka lucu memberi kesan serius terhadap perkembangan generasi muda khususnya kanak-kanak. Perhatian SN Rahman Shaari terhadap permasalahan ini jelas menunjukkan pemikirannya ini menepati prinsip dinamika masa depan

perkembangan sosial, moral dan psikologi dalam kehidupan masyarakat seperti yang ditekankan Lukacs (1978). Di samping itu, pendedahan tentang kesan sikap negatif ini juga dikenal pasti mendukung prinsip menjadikan manusia atau masyarakat alamiah kembali serta menjurus kepada aspek pemenuhan diri sebagai manusia yang utuh seperti yang dihasratkan Lukacs (1990). Dalam konteks kehidupan masyarakat Melayu-Islam pula, prinsip masyarakat alamiah dan utuh ini boleh dikaitkan dengan prinsip akal budi dan keperibadian masyarakat Melayu itu sendiri. Dalam konteks ini, sikap masyarakat dalam berkomunikasi menurut Ariffin (2019a) merupakan lambang keperibadian seseorang dan masyarakat secara keseluruhannya. Dalam konteks ajaran Islam pula, kesantunan dalam berkomunikasi merupakan akhlak mulia yang melambangkan kesempurnaan iman seseorang (Rafie, 2019). Keseluruhannya, dapat disimpulkan bahawa pemikiran SN Rahman Shaari ini telah menonjolkan fungsi sosial karya sastera menerusi pengaplikasian prinsip realisme seperti yang dikemukakan Lukacs (1963, 1978, 1989, 1990). Pengaplikasian prinsip-prinsip realisme ini juga dikenal pasti mendukung elemen yang menjadi asas cara hidup masyarakat Melayu-Islam seperti elemen hukum berdasarkan ajaran Islam dan juga aspek keperibadian masyarakat yang berteraskan budaya Melayu. Tuntasnya, pengaplikasian aliran realisme tidak menunjukkan sebarang kejanggalan dan percanggahan dengan cara hidup masyarakat Melayu-Islam sebaliknya kedua-dua elemen ini dapat disepadukan demi mewujudkan kehidupan masyarakat yang lebih humanis selaras hasrat Lukacs (1990).

Analisis Realisme Sosial Novel *Semoga Molek*

Hasil analisis terhadap novel *Semoga Molek* (2012) mendapati SN Rahman Shaari telah memberi tumpuan terhadap gejala sosial yang berlaku dalam kalangan masyarakat. Menerusi pengaplikasian prinsip daya transformasi bagi mendidik dan menggerakkan masyarakat seperti yang ditekankan Lukacs (1990), SN Rahman Shaari dikenal pasti berusaha merefleksikan realiti ini dengan mengupas puncanya agar dapat menjadi peringatan buat masyarakat. Pemikiran ini dapat dilihat menerusi petikan berikut:

Ketika bercakap, Norhaidah kerap menggaru-garu pipi kanan. Dia berkata lagi, "Aku tak pernah bercerita tentang hal itu. Aku selama ini mahu menunjukkan segi-segi baik yang ada pada diriku kepada kau. Aku tak mahu kau tahu segi durjana, segi iblis." Dia berhenti sekejap. Kemudian dia menyambung, "Jini, aku nak tegaskan, sebelum aku terperangkap dengan Azizul dulu, aku tak pernah tunduk pada bujukan iblis. Semua ni bermula apabila aku berkenalan dan berkawan dengan dia."

(Semoga Molek, 2012, p. 56-57)

Pemikiran yang disampaikan SN Rahman Shaari ini dari sudut pandang Lukacs (1963) boleh diterima sebagai sebuah interaksi sosial dengan persekitarannya atau masyarakat tentang kepentingan memilih rakan yang tepat serta akibat yang diterima sekiranya aspek ini tidak diambil serius. Dari sudut realitinya, pemikiran yang dikemukakan SN Rahman Shaari ini sememangnya menjadi tumpuan masyarakat khususnya dalam usaha menghindarkan generasi muda daripada terjebak dengan gejala sosial dan perkara-perkara negatif. Rahim (2023) misalnya, berpendapat rakan terutamanya rakan sebaya mempunyai pengaruh yang amat kuat dalam membentuk diri, nilai dan cara fikir seseorang. Pendapat serupa turut dikemukakan Misrani (2022) menerusi pandangannya yang melihat faktor masa bersama rakan yang lebih lama berbanding masa bersama keluarga sebagai antara faktor yang menjadikan pengaruh rakan amat kuat terhadap pembentukan diri seseorang. Hubungan pemikiran SN Rahman Shaari dengan bukti-bukti realisme yang terdiri daripada pendapat Rahim (2023) dan Misrani (2022) ini menjelaskan bahawa aspek pemilihan rakan yang tepat merupakan aspek yang perlu diberi perhatian serius oleh masyarakat agar dapat menghindarkan masyarakat daripada terlibat dengan perkara negatif yang boleh mencemarkan imej masyarakat itu sendiri yang seterusnya boleh membantutkan usaha pembentukan kehidupan masyarakat humanis seperti yang dihasrat Lukacs (1990).

Dari sudut impaknya terhadap kehidupan masyarakat pula, pemikiran yang dikemukakan ini jelas menepati prinsip realisme Lukacs (1990) yang menekankan prinsip pemenuhan diri sebagai manusia utuh yang dapat dilihat menerusi konteks pemikiran yang menjurus kepada pembentukan masyarakat yang bebas daripada

gejala sosial seperti yang dikemukakan. Manusia utuh dalam konteks pemikiran ini pula dapat diterjemahkan sebagai masyarakat yang dapat menilai buruk dan baik setiap perbuatan yang dilakukannya berdasarkan norma dan cara hidup yang disepakati masyarakat serta berusaha menghindari persekitarannya daripada melakukan perbuatan yang dianggap buruk atau negatif. Prinsip ini jelas terserlah menerusi ayat *“Aku tak pernah bercerita tentang hal itu. Aku selama ini mahu menunjukkan segi-segi baik yang ada pada diriku kepada kau. Aku tak mahu kau tahu segi durjana, segi iblis.”*, yang dikemukakan SN Rahman Shaari dalam petikan tersebut. Dari segi hubungannya dengan realiti, pemikiran ini jelas bertepatan dengan peranan seseorang rakan seperti yang dikemukakan Alwi (2022), yang menurutnya bertanggungjawab memelihara rakannya daripada terjebak dalam kancah maksiat serta berusaha menjaga maruah dan kehormatannya. Justeru, pemikiran ini dari sudut realitinya dikenal pasti berjaya merefleksikan realiti menerusi idea yang selari dengan bukti realisme. Dalam pada itu, tanggungjawab rakan yang digambarkan SN Rahman Shaari ini juga dikenal pasti selari dengan konsep teladan yang secara realitinya dijelaskan Rahim (2023) sebagai suatu konsep yang berupaya mempengaruhi akhlak seseorang, menerusinya juga seseorang dapat melihat dan menilai sama ada sesuatu perbuatan itu baik ataupun sebaliknya. Keseluruhannya, pemikiran yang dikemukakan ini terbukti memberi impak yang bermanfaat terhadap pembentukan masyarakat yang berlandaskan cara hidup yang disepakati seluruh masyarakat serta menjurus kepada pewujudan kehidupan masyarakat humanis seperti yang ditegaskan Lukacs (1990). Pengaplikasian prinsip-prinsip realisme dalam novel ini pula dikenal pasti menjadi asas yang menggerakkan masyarakat ke arah cara hidup positif yang bebas daripada perkara-perkara negatif yang bertentangan dengan norma kehidupan yang telah disepakati. Kesimpulannya, pengaplikasian prinsip-prinsip realisme dalam karya ini tidak menunjukkan sebarang pertentangan dengan norma dan cara hidup masyarakat di negara ini sebaliknya dikenal pasti menjadi dua entiti yang saling menyokong ke arah mewujudkan kehidupan masyarakat humanis seperti yang dihasratkan Lukacs (1990) tanpa mengabaikan norma dan cara hidup yang telah disepakati oleh masyarakat yang melatari karya sastera itu sendiri.

Analisis Realisme Sosial Novel *Cengkaman Hasrat*

Hasil analisis terhadap novel *Cengkaman Hasrat* (2015) mendapati SN Rahman Shaari telah membahaskan berkenaan masyarakat dewasa ini yang semakin melupakan cara hidup masyarakat terdahulu khususnya dalam aspek kehidupan berjiran. Selaras prinsip realisme Lukacs (1963) yang memfokuskan aspek kesatuan masyarakat, pemikiran yang dikemukakan ini amatlah relevan sebagai usaha menyedarkan masyarakat tentang permasalahan yang berlaku dalam kehidupan berjiran dalam konteks masyarakat negara ini. Pemikiran berkaitan permasalahan ini dapat dilihat menerusi petikan berikut:

*“Betul kata pak su tu. Mereka tu tersenyum saja, jika bersapa sekadar beri salam. Hubungan dengan kami terlalu formal.” Riyana menyampuk percakapan Sulpan.
“Yang di kiri dan yang di kanan tipikal stail jiran bandar baru,” kata Pujira. Dia mahu mengkritik segi keburukan sikap begitu, tetapi disimpan dulu.*

(*Cengkaman Hasrat*, 2015, p. 46)

Pemikiran yang disampaikan SN Rahman Shaari ini dari sudut pandang realisme Lukacs (1990) dikenal pasti berperanan sebagai mekanisme bagi menggerakkan masyarakat menjadi alamiah kembali, iaitu kembali mengamalkan cara hidup masyarakat terdahulu khususnya dalam konteks kehidupan berjiran masyarakat Melayu-Islam. Masyarakat pada zaman dahulu secara realitinya menurut Rosdi (2021) mengamalkan kehidupan berjiran dengan begitu mesra dan erat sekali, sekiranya ada kenduri, masyarakat akan berduyun-duyun hadir dan begitu juga halnya jika ada kematian. Realiti ini jika dibandingkan dengan realiti yang dikemukakan SN Rahman Shaari, jelas menunjukkan masyarakat dewasa ini terutamanya masyarakat yang tinggal di bandar sudah kurang mengamalkan cara hidup yang menjadi tradisi dan identiti sosial masyarakat terdahulu. Situasi ini dari sudut realitinya turut dikenal pasti berlaku dalam kehidupan masyarakat seperti yang dikemukakan Noor (2021, para. 2), *“...bagi sesetengah kita yang hidup di bandar dan kota metropolitan, walaupun ‘berkongsi dinding rumah’ yang sama, malangnya cukup sukar untuk mengucapkan salam atau setidak-tidaknya melontarkan senyuman.”* Pendapat serupa turut disampaikan Yakkub (2022) yang menurutnya budaya kejiranan khususnya di bandar kini semakin layu dengan adab dan kemesraan sudah tidak sama seperti dahulu. Pemikiran SN Rahman Shaari yang selari dengan bukti-bukti

realisme seperti yang dikemukakan ini membuktikan karya ini berupaya memurnikan masyarakat menjadi alamiah kembali seperti yang dihasratkan Lukacs (1990) berlandaskan cara hidup yang menjadi amalan masyarakat Melayu-Islam terdahulu.

Dari sudut impaknya terhadap kehidupan masyarakat pula, pemikiran yang dikemukakan ini jelas mendukung prinsip pewujudan kehidupan masyarakat humanis seperti yang ditekankan Lukacs (1990) yang jika diteliti berdasarkan konteks pemikiran ini dapat diterjemahkan sebagai kehidupan berjiran yang harmoni, sejahtera serta akrab antara satu sama lain. Oleh yang demikian, pemikiran yang dikemukakan ini amatlah signifikan dalam usaha menyemarakkan semangat kejiranan dalam masyarakat menerusi pembahasan berkaitan amalan atau cara hidup berjiran berlandaskan cara hidup masyarakat Melayu-Islam di negara ini. Dari segi kepentingannya, amalan dalam kehidupan berjiran seperti gotong-royong, saling menziarahi apabila adanya kenduri dan kematian menurut Ismail (2021) merupakan ramuan penting yang menyumbang kepada keharmonian dan kesejahteraan hidup masyarakat. Dari perspektif agama Islam pula, masyarakat menurut Muthalib (2019) dituntut agar sentiasa menjaga hubungan serta berbuat baik sesama jiran. Tuntutan ini menurutnya lagi mempunyai kaitan dengan tahap keimanan seseorang kerana kesempurnaan iman tidak hanya dinilai berdasarkan hubungan dengan Allah semata-mata, sebaliknya turut dinilai berdasarkan hubungan sesama manusia termasuklah jiran tetangga (Muthalib, 2019). Keseluruhannya, impak pemikiran yang dikemukakan ini bukan sahaja tertumpu kepada aspek pewujudan kehidupan humanis yang ditekankan Lukacs (1990) sebagai estetika yang perlu dicapai dalam sesebuah karya sastera sebaliknya turut menunjukkan kemampuannya menghadirkan makna-makna baharu dalam kehidupan masyarakat seperti yang turut ditegaskan Lukacs (1990) melalui penenakan tentang kepentingan dan manfaat yang diperoleh menerusi amalan kehidupan berjiran yang harmoni dan akrab. Justeru, dapat dibuktikan bahawa pengaplikasian prinsip-prinsip realisme berupaya membantu penerapan nilai yang menjadi cara hidup masyarakat di negara ini. Prinsip-prinsip realisme terbukti saling mendukung ke arah mewujudkan kehidupan masyarakat Melayu-Islam yang lebih humanis dan alamiah berlandaskan amalan yang menjadi identiti masyarakat secara turun-temurun.

KESIMPULAN

Keseluruhannya, hasil analisis realisme sosial terhadap cara hidup masyarakat Melayu-Islam dalam karya-karya SN Rahman Shari yang dilakukan ini telah berjaya mencapai ketiga-tiga objektif seperti yang ditentukan. Berdasarkan analisis yang dilakukan, kesemua data pemikiran yang diteliti ini dikenal pasti selari dan mempunyai hubungan dengan realiti kehidupan masyarakat yang dapat dibuktikan menerusi hubungannya dengan bukti-bukti realisme seperti yang dikemukakan dalam dapatan kajian. Dari segi impaknya pula, hasil analisis menunjukkan bahawa kesemua data pemikiran yang dinilai berlandaskan prinsip-prinsip realisme Lukacs (1963, 1978, 1989, 1990) menunjukkan impak yang positif terhadap kehidupan masyarakat khususnya dalam aspek pembentukan masyarakat humanis berlandaskan nilai dan cara hidup masyarakat Melayu-Islam. Bagi menjelaskan kesesuaian prinsip-prinsip realisme dengan cara hidup masyarakat Melayu-Islam pula, hasil analisis dikenal pasti tidak menunjukkan sebarang kejanggalan mahupun percanggahan dengan cara hidup masyarakat Melayu-Islam sebaliknya prinsip-prinsip ini dikenal pasti saling menyokong dan dapat disepadukan bagi tujuan menerapkan nilai dan juga amalan yang sepatutnya menjadi cara hidup masyarakat Melayu-Islam di negara ini. Pengaplikasian prinsip-prinsip realisme Lukacs (1963, 1978, 1989, 1990) yang menjurus kepada pembentukan masyarakat humanis ini, jika dihubungkan dengan konteks masyarakat Melayu-Islam, dapat mewujudkan kehidupan masyarakat Melayu-Islam yang bukan sahaja sejahtera, malah dihormati masyarakat luar menerusi identiti sosial yang murni berteraskan nilai dan norma yang menjadi cara hidup masyarakat Melayu-Islam sejak zaman-berzaman. Sebagai penutup, dapatan kajian ini dapat menjadi sampel dalam membuktikan kesesuaian aliran realisme dengan konteks kehidupan masyarakat Melayu-Islam di samping dapat menjadi hujah tentang kebolehaplikasian aliran ini dalam kegiatan kesusasteraan di Malaysia.

PENGHARGAAN

Kajian ini dibiayai oleh Kementerian Pendidikan Malaysia melalui biasiswa Hadiah Latihan Persekutuan (KPM.BT.700-30/22/5(5)).

RUJUKAN

- Abdullah, A. R. (2015). Usman Awang: Perspektif Seorang Nasionalis dan Realisme-Sosialis dalam Puisi-Puisinya. Dalam Ridhwan, A. (Ed.), *Pemikiran Sasterawan Negara Usman Awang*. (p. 21-54). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Alwi, E. A. E. (2022, November 17). Teman Sejati: Pendorong ke arah amal soleh. *Harian Metro*. Retrieved from <https://www.hmetro.com.my.addin/2022/11/904642/teman-sejati-pendorong-ke-arah-amal-soleh>
- Ariffin, H. (2019a, March 25). Adab, budi bahasa harmoni kehidupan, elak kebencian. *Berita Harian*. Retrieved from <https://www.bharian.com.my/amp/kolumnis/2019/03/545062/adab-budi-bahasa-harmoni-kehidupan-elak-kebencian>
- Ariffin, H. (2019b, November 18). Bahasa kurang sopan ubah cara komunikasi remaja masa kini. *Sinar Harian*. Retrieved from <https://www.sinarharian.com.my/ampArticle/57798>
- Azhan, N. S. H, Rani, M. Z. A. & Muhammad, S. J. N. (2021). Kesusasteraan Melayu dan Persuratan Baru: Satu Pengamatan Kritis Tentang Sambutan Kesarjanaan. *Pertanika Journals of Social Sciences & Humanities*, 29(2), 1449-1468. <https://doi.org/10.47836/pjssh.29.2.37>
- Brown, C. (2021, February 4). 8 Isu Realisme untuk Memahami Pergerakan. *Warbletoncouncil*. Retrieved from <https://ms1.warbletoncouncil.org/temas-del-realismo-14068>
- Chin, R. (2021). Analisis Karakteristik Realisme Dalam Antologi Cerpen “Sewangi-Wangi Tulang” Karya Muhd. Mansur Abdullah. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, 9(1), 17-29.
- Hamdan, R., Sujud, A. & Ali, A. A. (2023). Realiti letusan gunung berapi Tambora 1815 dalam syair. *Geografia-Malaysian Journal of Society and Space*, 19(2), 200-216. <https://doi.org/10.17576/geo-2023-1902-14>
- Ismail, M. A. (2021, October 2021). Mencipta kesepaduan. *Harian Metro*. Retrieved from <https://www.hmetro.com.my/amp/addin/2021/10/771945/mencipta-kesepaduan>
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2024, May 14). Perangkaan Demografi, Suku Pertama 2024. *Portal Rasmi Kementerian Ekonomi Jabatan Perangkaan Malaysia*. Retrieved from <https://www.dosm.gov.my/portal-main/release-content/demographic-statistics-first-quarter-2024>
- Jamin, A., Subet, M. F. & Abdullah, S. (2024). Kepengarangan Realisme Lengkap Rahman Shaari: Analisis Novel *Cengkaman Hasrat*. *Jurnal Pengajian Melayu*, 35(1), 87-105. <https://doi.org/10.22452/jomas.vol35no1.6>
- Kamus Dewan* (4th ed.). (2010). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Lukacs, G. (1963). *The Theory of the Novel*. The Merlin Press.
- Lukacs, G. (1978). *Marxism and Human Liberation*. Delta Publishing.
- Lukacs, G. (1989). *Studies in European Realism*. Merlin Press.
- Lukacs, G. (1990). *History and Class Consciousness*. Merlin Press.
- Misrani, S. Z. (2022, April 14). Ramai rosak sebab salah pilih kawan. *Kosmo Digital*. Retrieved from <http://www.kosmo.com.my/2022/04/14/ramai-rosak-sebab-salah-pilih-kawan/>
- Muthalib, A. R. (2019, December 5). Tak sempurna iman jika sakiti perasaan jiran. *Sinar Harian*. Retrieved from <https://www.sinarharian.com.my/ampArticle/60592>
- Noor, K. M. (2021, Julai 6). Bulat air kerana pembentung, bulat jiran tetangga kerana muafakat. *Malaysia Gazette*. Retrieved from <https://malaysiagazette.com/2021/07/06/bulat-air-kerana-pembentung-bulat-jiran-tetangga-kerana-muafakat/>
- Rafie, A. (2021, November 2). Irsyad Al-Fatwa Siri ke-636: Hukum Berjenaka Lucah dan Lawak Tentang Rogol. *Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan*. Retrieved from <https://muftiwp.gov.my/en/artikel/irsyad-fatwa/irsyad-fatwa-umum-cat/5043-irsyad-al-fatwa-siri-ke-636-hukum-berjenaka-lucah-dan-lawak-tentang-rogol>
- Rahim, N. A. (2023, September 19). Pandu golongan remaja hadapi cabaran pengaruh rakan sebaya. *Berita Harian*. Retrieved from <https://www.bharian.com.my/rencana/minda-pembaca/2023/09/1154474/pandu-golongan-remaja-hadapi-cabaran-pengaruh-rakan-sebaya>
- Rani, M. Z. A. (2006). Kehadiran Barat dan Kesannya Terhadap Kesusasteraan Melayu. *Jurnal Pengajian Melayu*, 17, 330-361.

- Rosdi, J. (2021, Februari 22). Sentiasa berbuat baik dengan jiran tetangga. *Sinar Harian*. Retrieved from <https://www.sinarharian.com.my/ampArticle/125074>
- Rostam, F. (2023, November 10). Hentikan normalisasi 'jenaka lucu' dalam masyarakat. *Linkedin*. Retrieved from <https://id.linkedin.com/pulse/hentikan-normalisasi-jenaka-lucah-dalam-masyarakat-firdaus-rostam-03vcc>
- Shaari, R. (2008). *Pernikahan di Lubuk Hantu*. Pekan Ilmu Publication Sdn. Bhd.
- Shaari, R. (2012). *Semoga Molek*. Alaf 21
- Shaari, R. (2015). *Cengkaman Hasrat*. Institut Terjemahan & Buku Malaysia
- Sikana, M. (2021). Polemik sastra Melayu dan Barat. *Sinar Harian*. Retrieved from <https://www.sinarharian.com.my/article/170912/khas/pendapat/polemik-sastra-melayu-dan-barat>
- Subet, M. F. & Jamin, A. (2025). Rahman Shaari's Insights in Improving the Political Reality of Malaysia: A Realisme Analysis. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 41(1), 406-422. <https://doi.org/10.17576/JKMJC-2025-4101-23>
- Tahir, U. M. M. & Dan, W. C. (2019). Pemartabatan 'Realiti' dan 'Realisme' ke Status Konvensi Sastra dalam Kesusasteraan Melayu. *International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 2(2), 109-136.
- Tahir, U. M. M. (2019). Sendeng Barat dalam Sastra Melayu Moden: Cabaran Sebuah Cengkaman. *MANU*, 30, 1-45.
- Winstedt, R. O. (1940). A History of Malay Literature. *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society*, 17(3):1-243.
- Yakkub, M. Y. (2022, August 5). Berjiran bukan untuk dapat 'pulangan'. *Kosmo Digital*. Retrieved from <https://www.kosmo.com.my/2022/08/05/berjiran-bukan-untuk-dapat-pulangan/>
- Zakir, S. M. (2018, April). Konteks "Gedebe" dalam Pok Ya Cong Codei. *Dewan Masyarakat*. 38-41.